

Bahagian A: (10 markah)

Sambungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini dengan menggunakan kata penghubung yang sesuai supaya menjadi satu ayat yang sempurna.

1. Adi hendak mandi.
Badan Adi berasa segar.
2. Orang tua itu sedang tidur.
Dapur gas orang tua itu meletup.
3. Rosmah hendak makan.
Perut Rosmah terasa lapar.
4. Ibu membuka almarnya.
Ibu mengeluarkan sepasang baju kurung berwarna jingga.
5. Mereka hendak berkelah di East Coast?
Mereka hendak berkelah di Changi?

Bahagian B: (10 markah)

Pilih peribahasa yang maksudnya sama dengan frasa yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran ini.

1. Jamal selalu diejek oleh kawan-kawannya kerana dia tidak tahu bermain bola.

kaki ayam
kaki botol
alas kaki
kaki bangku
2. Pemuda itu telah dibuang kerja kerana didapati menerima rasuah.

makan suap
makan hati
makan gaji
gaji buta
3. Cikgu sayang kepada Salmah kerana dia suka menolong orang.

ringan tangan
muka tembok
panjang tangan
kera sumbang

4. Kita mesti makan sedikit untuk menghilangkan rasa lapar setiap pagi sebelum pergi ke sekolah.

embun pagi
alas perut
ikat perut
putus rezeki

5. Osman tidak percaya akan berita itu kerana ia adalah berita yang tidak jelas.

bawah angin
lidah bercabang
khabar angin
cakap besar